

TARIKH	21 105 / 2014	SEKSYEN	NASIONAL
MUKA SURAT	3	RUANGAN	

PM diminta campur tangan isu visa umrah

» Nasib 15,000 bakal jemaah ke Tanah Suci belum terjamin

Oleh Syed Azwan Syed Ali syedazwan@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kira-kira 15,000 bakal jemaah umrah Malaysia ke Tanah Suci bermula Jumaat ini berdepan situasi tidak menentu berikutan permohonan visa umrah mereka belum diluluskan Arab Saudi. Persatuan Agensi-Agensi Pe-

lancongan dan Pengembaraan Bumiputera Malaysia (BUMITRA) yang menaungi 479 agensi pelancongan, mendakwa ahlinya akan menanggung kerugian hampir RM100 juta jika semua jemaah itu tidak mendapat visa dalam masa terdekat.

Kos sudah dijelaskan

Ini kerana agensi pelancongan terbabit sudah membayar kos penerbangan selain penginapan dan pengangkutan di Makkah serta Madinah kepada muasasah atau agensi pengendali umrah di Arab Saudi.

Semua 15,100 jemaah itu dijadual berlepas ke Makkah bermula Jumaat ini hingga 9 Jun depan sempena musim



Ayob (kiri) bersama Harun pada sidang media mengenai isu visa umrah di Kuala Lumpur, semalam. (FOTO ASYRAF HAMZAH/BH)

cuti sekolah.

Berikutan itu, BUMITRA memohon campur tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk meminta Kerajaan Arab Saudi memberi kelonggaran kelulusan visa untuk jemaah umrah Malaysia.

Timbalan Presidennya, Ayob Mat Aris, berkata BUMITRA juga merayu kepada syarikat penerbangan supaya memulangkan semula wang dibayar bagi tiket penerbangan kepada agensi pelancongan jika visa

tidak dikeluarkan.

"Kalau masalah ini gagal diselesaikan segera, banyak agensi pelancongan akan lumpuh ataupun bankrap. Kita anggarkan jumlah kerugian lebih RM100 juta.

Selesai kemelut dihadapi

"Kita percaya hubungan baik Perdana Menteri dengan kerajaan Arab Saudi dapat membantu mengatasi kebuntuan yang kami hadapi," katanya pada sidang media di pejabat BUMITRA di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Presiden (Pelancongan dan Pengembaraan Luar Negara) BUMITRA, Shuhaida Borhan dan Exco Haji dan Umrah BUMITRA, Harun Ahmmu.

BH baru-baru ini melaporkan kebimbangan agensi pelancongan tempatan susulan keputusan Arab Saudi mengehadkan pengeluaran visa bagi permohonan bermula 1 Rejab atau 1 Mei lalu.

Harun berharap Arab Saudi memberi kelonggaran memandang pergerakan jemaah umrah di Arab Saudi ketika ini adalah kurang, berbanding pergerakan jemaah umrah Malaysia yang tinggi bermula 26 Mei ini kerana musim cuti sekolah.

Agensi umrah rugi kuota visa dikurangkan

Tindakan Arab Saudi jelaskan peralihan jemaah

Oleh Syed Azwan Syed Ali syedazwan@bh.com.my

Kuala Lumpur

Laporan akhbar BH mengenai isu visa umrah.

ahlinya kejutkan itu yang berlaku dalam tempoh 24 jam selepas mengumumkan terbit. Peraduan Agensi-Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Bumiputera Malaysia (BUMITRA) mendakwa kerajaan Arab Saudi telah mengurangkan kuota visa untuk jemaah ke Tanah Suci bermula 1 Mei ini.

Dijelaskan sejak 1 Mei lalu

Peraduan Agensi-Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Bumiputera Malaysia (BUMITRA) mendakwa kerajaan Arab Saudi telah mengurangkan kuota visa untuk jemaah ke Tanah Suci bermula 1 Mei ini.

kuota visa umrah seperti ketika musim haji. Jumlah kuota ini akan menjadi masalah bagi agensi pelancongan yang sudah membayar kos penerbangan dan penginapan di Makkah serta Madinah kepada muasasah atau agensi pengendali umrah di Arab Saudi.

Fakta Honder

10,000

keluaran umrah akan bermula pada 26 Mei ini. Jumlah kuota ini akan menjadi masalah bagi agensi pelancongan yang sudah membayar kos penerbangan dan penginapan di Makkah serta Madinah kepada muasasah atau agensi pengendali umrah di Arab Saudi.

Fakta Honder

10,000

Sebelum ini, Arab Saudi hadirkan pada Syaaban dan Ramadan. Hadis ini adalah sebagai penerangan kepada jemaah yang tiba-tiba tahun ini peneruaan visa dihadirkan pada Rejab dan semasa hari-hari.

Fred Selby

10,000